



MGP 2023

MAJLIS GEMILANG PUTRA

Pertanian • Inovasi • Kehidupan
Berilmu Berbakti


upm.edu.my

Anugerah
FELLOWSHIP
NAIB CANSOLOR

KATEGORI PENGAJARAN



Anugerah FELLOWSHIP NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

Kategori Pengajar Cemerlang

- Sastera dan Sains Sosial

DR. ILYANA BINTI JALALUDDIN

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Dr. Ilyana binti Jalaluddin berasal dari Perak dan merupakan anak kedua daripada lima adik-beradik. Beliau mendapat pendidikan awal di SRK Abdul Aziz, Perak sebelum meneruskan persekolahan di SMKA Sultan Azlan Shah (SMKASAS), Seri Iskandar. Beliau melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Bahasa Inggeris) di University of Otago, New Zealand di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Seterusnya beliau memperoleh Sarjana Pendidikan (TESL) daripada Universiti Malaya dan PhD (TESL) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, sebelum menyambung penyelidikan pascadoktoral di University of Reading, United Kingdom dalam bidang pendidikan bahasa dan teknologi. Sebelum menyertai Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2012 sebagai Pensyarah Kanan, beliau berkhidmat sebagai guru bahasa Inggeris di sekolah menengah selama lima tahun, pengalaman yang membentuk falsafah pengajaran beliau yang berteraskan pembelajaran berpusatkan pelajar, *experiential learning* dan inovasi pedagogi.

Berpegang kepada falsafah bahawa pendidikan perlu bersifat transformatif serta berteraskan pengalaman pembelajaran yang bermakna, beliau komited memperkasa pengajaran dan pembelajaran melalui inovasi serta teknologi digital yang menghubungkan teori dengan amalan. Beliau percaya pendidikan bukan sekadar penyampaian ilmu, tetapi proses membina potensi, kreativiti dan keyakinan pelajar sebagai pembelajar sepanjang hayat. Beliau mentransformasikan pedagogi bahasa melalui integrasi *Artificial Intelligence (AI)*, *flipped classroom*, *Augmented Reality (AR)* dan *Virtual Reality (VR)* untuk mewujudkan ekosistem pembelajaran yang autentik, interaktif dan responsif terhadap kepelbagaian pelajar. Inovasi beliau seperti *Hunting with e-Language* dan *Mobile Augmented Visual Reality (MAVR)* telah menyumbang kepada pemeraksanaan pengajaran bahasa, khususnya dalam meningkatkan kemahiran menulis dan pembelajaran imersif dalam kalangan pelajar sekolah.

Sepanjang perkhidmatan di UPM, beliau aktif menyumbang kepada pemeraksanaan inovasi pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti serta antarabangsa. Beliau telah dipilih mewakili UPM dalam pelbagai pertandingan inovasi antarabangsa seperti *Seoul International Invention Fair (SIIF)*, *International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX)* dan *Malaysia Technology Expo (MTE)*, serta berjaya

merangkul lapan pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa. Kecemerlangan beliau turut diiktiraf melalui pelbagai anugerah termasuk *Excellence in English Language Education Research Award (2011)*, *Best of the Best Innovation in Social Sciences Award (2020)*, *Best Presenter and Researcher in Big Data and Informatization Education (2026)*, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, serta *International Award of Merit sempena Malaysia-Croatia Technology Exchange 2021* sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan inovasi pengajaran beliau di peringkat antarabangsa. Selain itu, beliau turut memainkan peranan aktif dalam Jawatankuasa Kerja Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Universiti (JKIPP).

Dalam bidang keserjanaan pengajaran, beliau telah menerajui pelbagai penyelidikan dan projek komuniti berkaitan pengintegrasian teknologi dalam pendidikan bahasa, termasuk inovasi *Hunting with e-Language* berteraskan AR dan VR yang dilaksanakan di sekolah rendah di Selangor dan Kuala Lumpur, serta projek komuniti antarabangsa seperti *Malaysia-Vietnam Community e-Mentorship (2024)*. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan beliau terhadap pemindahan ilmu, pengantarabangsaan, pemeraksanaan komuniti serta pembelajaran bahasa berteraskan teknologi.



Anugerah FELLOWSHIP NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

Kategori Pengajar Muda

- Sains Tulen

DR. TAN SIN TEE

Fakulti Sains

Dr. Tan Sin Tee berasal dari Melaka dan merupakan anak keempat pasangan Encik Tan Ket Seng dan Puan Gan Chai Lan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Fizik dengan Kepujian (Kelas Pertama) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2011 sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (Fizik) di universiti yang sama dan menamatkan pengajian pada 2014. Kepakaran beliau tertumpu dalam bidang nanomaterial, sel suria serta aplikasi bahan termaju yang menjadi asas kepada pendekatan pengajaran berteraskan penyelidikan dan aplikasi dunia sebenar.

Beliau memulakan kerjaya sebagai penyelidik pascadoktoral sebelum menyertai Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai Pensyarah Kanan sejak Ogos 2018. Di UPM, beliau memainkan peranan signifikan dalam pembangunan kurikulum dan jaminan kualiti akademik sebagai ahli dalam Jawatankuasa Kurikulum Fakulti, Jawatankuasa Kurikulum Jabatan Fizik, Jawatankuasa Semakan Kurikulum MSKK dan lain-lain. Beliau turut aktif sebagai penyelia pelajar, pemeriksa tesis dan pensyarah pemantau latihan industri, sekali gus memperkukuh integrasi antara akademia dan keperluan industri.

Falsafah pengajaran Dr. Tan berteraskan prinsip bahawa pembelajaran perlu bermakna, menyeronokkan dan mudah difahami untuk membina pelajar yang berfikir kritis dan berdaya saing. Beliau mengintegrasikan pendekatan berpusatkan pelajar melalui visualisasi konsep, simulasi, pembelajaran berasaskan permainan serta penggunaan teknologi digital dan penilaian berterusan. Pendekatan ini berjaya meningkatkan penglibatan pelajar dan kefahaman konseptual secara signifikan, dibuktikan melalui skor penilaian pengajaran melebihi 4.85/5.00 secara konsisten setiap semester. Kecemerlangan beliau dalam inovasi PdP turut terserlah melalui pencapaian Pingat Emas (2019) serta Pingat Perak (2020 - 2022) dalam *Putra InnoCreative Carnival in Teaching and Learning (PICTL)*, di samping pengiktirafan berterusan melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2019) dan Anugerah Pemimpin Contoh Jabatan (2025). Sepanjang kerjaya di UPM, beliau menerima sijil perkhidmatan cemerlang setiap tahun.

Di peringkat antarabangsa, beliau diiktiraf sebagai Saintis Muda Negara dalam *66th Nobel Laureate Meeting* serta saintis terpilih dalam *Baden-Württemberg Post Conference*. Beliau turut menerima pengiktirafan sebagai *Outstanding Reviewer* bagi jurnal *Materials Letters* serta dijemput sebagai *Invited Reviewer* dan *Guest Editor* dalam pelbagai jurnal berindeks JCR. Dr. Tan juga merupakan peneraju program QAIs melalui kerjasama strategik bersama pihak industri yang memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran berasaskan industri dan peningkatan kebolehpasaran graduan. Selain itu, beliau aktif sebagai pakar rujuk industri dan saintis komuniti melalui program STI1003, serta dijemput sebagai penceramah, pensyarah sangkutan dan juri pertandingan akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga aktif dalam penyelidikan dan berjaya memperoleh pelbagai geran serta anugerah. Secara keseluruhannya, beliau merupakan seorang pensyarah muda yang progresif, berimpak tinggi dan komited dalam memperkasa pendidikan fizik yang relevan, inovatif dan selari dengan keperluan global.



Anugerah FELLOWSHIP NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

Kategori Pengajar Muda

- Sains Kesihatan

PROF. MADYA DR. ANEESA BINTI ABDUL RASHID

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan & Hospital Sultan Abdul Aziz Shah

Prof. Madya Dr. Aneesa binti Abdul Rashid merupakan Pakar Perubatan Keluarga dan Pensyarah Perubatan di Jabatan Perubatan Keluarga, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UPM. Beliau kini menyandang jawatan pentadbiran utama sebagai Timbalan Pengarah Urusan Klinikal (Perubatan) di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) bermula April 2025. Perjalanan profesional beliau bermula selepas bergraduasi daripada University College Dublin (UCD), Ireland pada 2007, sebelum berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pegawai Siswazah dan Pegawai Perubatan Anestesiologi.

Beliau menyertai UPM sebagai Pensyarah Pelatih pada 2010 dan memperoleh kelayakan Pakar Perubatan Keluarga daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2014. Selepas dua tahun bercuti tanpa gaji untuk mengikuti suami melanjutkan pengajian di luar negara, beliau kembali aktif menyumbang pada akhir 2017. Beliau mendapat gelaran Profesor Madya pada 2020, dilantik sebagai Ketua Jabatan

Perubatan Keluarga (2024 - 2025), dan seterusnya menerajui peringkat kebangsaan sebagai Ketua Lembaga Konjoin Master Perubatan Keluarga (Januari - April 2025). Sebagai pakar klinikal, beliau aktif bertugas di Klinik Pakar Perubatan Keluarga HSAAS dan sangat berdedikasi dalam mendidik pelajar prasiswazah serta pascasiswazah di sana.

Falsafah pengajaran beliau, "*Humanising Medicine Through Experiential, Reflective, and Evidence-Based Education in the Digital Age*," mencerminkan komitmen beliau dalam melahirkan pegawai dan pakar perubatan yang kompeten dan berperibadi mulia. Sebagai pendidik progresif, beliau menerajui inovasi digital melalui modul "*Social Media and Professionalism*" serta pembangunan modul *micro-credential* yang disokong oleh Geran Insentif Penyelidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran (GIPP). Kecemerlangan beliau dalam inovasi pendidikan diiktiraf melalui beberapa anugerah di *Putra Innocreative Carnival in Teaching and Learning (PICTL)*, serta diiktiraf antara pemenang anugerah dalam Pertandingan Amalan Terbaik Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) peringkat fakulti pada 2023 dan 2024.

Kepakaran beliau turut dizahirkan melalui lebih 50 penerbitan artikel jurnal dalam bidang perubatan keluarga, terutamanya berkaitan penyakit hipertensi, kesihatan mental, kesihatan digital, serta pendidikan perubatan, terutama tentang kesiediaan bekerja (work readiness) dan kesejahteraan mental (mental wellbeing). Antara anugerah dalam bidang pendidikan perubatan yang diterima beliau adalah *Travel Grant Award*

di *Monash Malaysia Medical Education Conference 2019* dan Anugerah Poster Terbaik di *International Medical Education Conference (IMEC) 2022*. Di peringkat nasional, beliau merupakan Naib Presiden Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM) bagi sesi 2024 - 2026 dan ahli aktif Persatuan Hipertensi Malaysia (MSH). Beliau aktif berkongsi ilmu dengan komuniti melalui inisiatif FIMA Lifesavers, sebuah program mengajar komuniti tentang Bantuan Hidup Asas (Basic Life Support) di masjid dan *Teddy Bear Hospital*, iaitu program simulasi untuk melatih kemahiran komunikasi pelajar perubatan dengan kanak-kanak, di samping mengurangkan ketakutan kanak-kanak terhadap pekerja dan persekitaran fasiliti kesihatan.

Anugerah ini juga merupakan dedikasi tulus buat rakan setugas beliau yang berhempas-pulas dalam mengimbangi tanggungjawab klinikal, pentadbiran, akademik, dan keluarga. Bagi beliau, pengiktirafan AFNC-KP ini membuktikan bahawa pengamal klinikal juga berdaya menerajui inovasi pendidikan demi memartabatkan masa depan dunia perubatan.



Anugerah FELLOWSHIP NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

Kategori Pengajar Muda

- Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan

DR. SHARON ONG YONG YEE

Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, UPM Sarawak

Dr. Sharon Ong Yong Yee dilahirkan di Kuching dan dibesarkan di Miri, Sarawak. Beliau merupakan anak sulung daripada empat adik-beradik. Berakar umbi daripada kepercayaan keluarganya bahawa ilmu pengetahuan membuka jalan kepada kehidupan yang lebih baik, beliau mendapat inspirasi daripada datuk dan neneknya yang tidak berpeluang mendapat pendidikan formal, serta bapanya yang merupakan graduan universiti generasi pertama. Warisan mendalam ini menyemarakkan semangat akademiknya, yang memuncak dengan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Keusahawanan dan Perdagangan dengan Kepujian daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 2014. Beliau dianugerahkan Anugerah Pelajaran Diraja yang berprestij. Kecemerlangan ini mendorong beliau untuk menamatkan Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan Perniagaan melalui Program Lintas Bitara di institusi yang sama pada 2019.

Selepas menamatkan pengajian, beliau memulakan kerjayanya sebagai pembantu penyelidik berpengalaman dan tutor akademik di institusi terkemuka, sebelum dilantik sebagai Pensyarah Kanan di Universiti Putra Malaysia (UPM) kampus Sarawak bermula pada Mac 2021. Sejak itu, beliau telah mengukir identiti akademik yang unik, dicirikan oleh pengajaran berasaskan pengalaman, inovasi pedagogi, pembangunan kurikulum, pemerkasaan pelajar dan pengantarabangsaan pendidikan. Diberi kepercayaan memegang peranan strategik, beliau berkhidmat sebagai Ketua Penyelaras program baharu bachelors dan Ahli Jawatankuasa Kerja Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran UPM. Beliau kerap dijemput sebagai pakar rujuk dan penceramah program seperti program *Start-Up*, keusahawanan, PutraMOOC, kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran, bukan sahaja di institusi pendidikan bahkan di institusi korporat.

Sebagai pendidik yang memperjuangkan penyatuan teori dengan aplikasi dunia sebenar, Dr. Sharon menekankan pembelajaran berasaskan projek, simulasi, kajian pasaran dan penglibatan komuniti dalam kelas keusahawanan beliau. Pendekatan dinamik ini bukan sahaja menerapkan konsep keusahawanan tetapi juga memupuk keberanian, kreativiti dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajarannya. Komitmen beliau telah diiktiraf dengan Sijil

Perkhidmatan Cemerlang UPM selama tiga tahun berturut-turut (2022 - 2024). Kaedah pengajarannya yang inovatif telah meraih pelbagai anugerah, termasuk Pingat Perak di *Putra InnoCreative Poster Competition* (2022, 2023) dan Hari Inovasi PdP PPAL 2023. Beliau turut mendapat Sijil Pencapaian Penerbitan "Beyond Expectation" pada 2024. Pada 2025, pasukannya merangkul Anugerah Perak untuk Projek AI di IUCEL@UTeM anjuran Kementerian Pengajian Tinggi, Sijil Penghargaan Sumbangan Cemerlang UPM dan turut merangkul *Special Award: Top 5 Award (Professional Innovator Online)* di i3DC26 sebagai ahli pasukan pada April 2026.

Sebagai tenaga akademik global, beliau dilantik sebagai Profesor Pelawat di Baotou Teacher College, China pada 2023. Beliau juga kerap mewakili Malaysia dalam program YSEALI di Indonesia dan Timor-Leste. Beliau turut dijemput untuk memberi perkongsian sebagai pengucap utama dan penceramah mengenai pembangunan mampan dan e-logistik di Timur Tengah dan Indonesia. Beliau juga aktif dalam program mobiliti pelajar bersama institusi di Indonesia, China dan Jepun. Dedikasi Dr. Sharon Ong dalam mentakrifkan semula pendidikan keusahawanan, meninggalkan impak yang mendalam terhadap pembangunan pelajar, kepimpinan akademik, penyelidikan dan pemindahan ilmu yang holistik.